

# Lumba-lumba sesat dijaga rapi



Tiga kakitangan Jabatan Hidupan Liar Sabah **meneliti fizikal ikan lumba-lumba** yang di tempatkan di Institut Kajian Marin Borneo Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu, semalam.

BH 28.12.2012 4

[FOTO LANO LAN]

**Kota Kinabalu:** Ikan lumba-lumba yang terdampar di Pulau Gandang, Teluk Selama, Tuaran, kelmarin, dikenal pasti sebagai spesies 'Pantropical spotted' atau nama saintifiknya 'Stenella attenuata'.

Mamalia jantan yang berusia tujuh tahun dan dianggap sebagai ikan lumba-lumba dewasa, adalah spesies yang terkecil bagi haiwan berkenaan.

Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB)

Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Salem Mustafa, berkata ikan lumba-lumba sepanjang kira-kira dua meter dengan berat 70 kilogram itu dipercayai tersesat ke perairan negeri ini.

## Tanda tertekan

Katanya, pemerhatian penyelidik institut itu mendapati tingkah laku mamalia itu menunjukkan tanda tekanan, tetapi setakat ini tiada tanda keke-

ringan atau menggelupas kulit.

"Kemungkinan ada sedikit kekeringan tetapi kita belum mengetahuinya, begitu juga kemungkinan ada kecederaan dalam, tetapi kita belum pasti. Kita akan terus menjaga haiwan itu termasuk mengurangkan tekanan dan menyediakan air laut yang bersih dan makanan."

"Penyelidik kami akan memantau kesihatan mamalia ini mengikut keperluan kua-

rantin. Kita juga akan bekerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Hidupan Liar bagi memastikan ikan lumba-lumba itu selamat," katanya.

Ikan lumba-lumba itu di temui terdampar dalam air sedalam kira-kira 0.3 meter oleh kakitangan Jabatan Perhutanan yang melakukan rondaan di kawasan hutan bakau, jam 11 pagi kelmarin.

Salem berkata, ikan lumba-lumba itu akan dilepaskan ke laut jika sudah cukup sihat.

## Tidak sihat

"Bagaimanapun, saya berasakan ikan lumba-lumba itu masih dalam keadaan belum cukup sihat. Kami tidak tahu jika mamalia itu mampu bertahan walaupun usaha terbaik dilakukan untuk menyelamatkannya.

"Kita boleh menyatakan peluang untuk ikan lumba-lumba ini selamat hanya selepas melihat haiwan ini mampu berenang seperti biasa," katanya.

Ia kali kedua penemuan mamalia itu di perairan Pantai Barat Selatan Sabah. Kali pertama spesies itu ditemui di Pulau Gandang.

Januari lalu, seekor ikan lumba-lumba sepanjang dua meter ditemui terdampar di pantai Tanjung Aru berdekatan Shangri-La Tanjung Aru Resort di Tanjung Aru.

Ikan lumba-lumba jenis spesies paus pembunuh kerdil atau nama saintifiknya 'Feresa attenuata' ditemui ketika air surut 20 meter dari tepi pantai.